



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Rang Undanh-undang Mahkamah Syariah (Bidang Jenayah)
(Pindaan) 1965**

DR.29/1984

RANG UNDANG-UNDANG

An Act to amend the Criminal Jurisdiction Act 1965
bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Syariah
(Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

BE IT ENACTED [Yang Duli Yang Maha Mulia]
MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 adalah dipinda dengan menggantikan proviso kepada seksyen 2 dengan yang berikut: Pindaan seksyen 2. Akta 23/65.

“Provided that such jurisdiction shall not be exercised in respect of any offence punishable with imprisonment for a term exceeding three years or with any fine exceeding five thousand ringgit or with whipping exceeding six strokes or with any combination thereof.”

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Pindaan yang dicadangkan itu memperluaskan bidang kuasa jenayah Mahkamah-Mahkamah Syariah untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau apa-apa denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau sebat tidak melebihi enam kali atau apa-apa cantumannya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 882.]